

30/11/1997

Anggota NEAC perlu seimbang

A Nazri Abdullah

WALAU apapun istilah yang hendak kita guna bagi menggambarkan keadaan ekonomi sekarang, yang penting semua rakyat mestilah memahami apa sebenarnya masalah ekonomi yang dihadapi negara dan sedar apakah pula tindakan yang perlu mereka ambil. Dari sudut global, kita boleh sifatkan kejatuhan nilai mata wang dan pasaran saham di Asia Timur sebagai krisis ekonomi. Apabila Jepun dan beberapa negara Eropah turut merasai tempiasnya, maka suasana sekarang sudah layak dipanggil krisis ekonomi global. Mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) pun mengakui wujudnya krisis mata wang antarabangsa. Krisis tentulah lebih berat daripada masalah dan jika krisis ini tidak ditangani segera implikasinya mungkin separah zaman meleset 1932.

Di samping tidak menafikan beberapa kelemahan perancangan ekonomi negara yang terbabit, krisis kali ini sebenarnya bukanlah sesuatu yang boleh bersandarkan kepada perkiraan ekonomi semata-mata, tetapi lebih bersifat permainan politik kuasa besar serta beberapa kelemahan dalam sistem perdagangan antarabangsa. Dalam dua komentar yang lalu kita cuba menerangkan sepintas lalu agenda besar kuasa besar yang tidak senang dengan kebangkitan Asia, khususnya China yang bakal mengimbangi hegemoni politik antarabangsa. Menyedari siapakah yang menguasai Rumah Putih, institusi bank dan media antarabangsa, maka agenda besar ini tidak boleh dilihat secara terpisah dengan isu pertembungan peradaban yang juga dicipta oleh Barat. Justeru, penyelesaiannya juga tidak boleh dilakukan secara terpisah dan persendirian tetapi melalui pendekatan wilayah atau serantau.

Oleh kerana kita tidak mampu berperang dengan sesiapa melainkan dengan diri kita sendiri, maka di samping mengharapakan pakatan serantau menangani masalah ini, kita sebagai sebuah negara perlu lakukan apa yang termampu. Langkah pertama yang perlu kita pastikan ialah tidak ada percanggahan kenyataan sesama kita supaya rakyat tidak keliru dan panik. Semangat Belanjawan 1998 mengajak rakyat berjimat menghadapi musim susah, tetapi masih ada menteri yang gemar mengumumkan projek besar. Kenyataan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, Sabtu lalu yang mengumumkan kerajaan akan membelanjakan RM9.8 bilion untuk membina 16,000 kilometer jalan raya tidak perlu dibuat dalam keadaan sekarang. Kenyataan seperti ini memberi gambaran bahawa pengumuman Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan, untuk menghentikan projek mega adalah karut semata-mata.

Kita tidak nafikan beberapa projek infrastruktur yang penting perlu diteruskan. Kita tidak boleh memberhentikan semua projek kerana ini akan mematikan pertumbuhan ekonomi. Kita boleh melaksanakannya secara senyap-senyap apabila tiba masanya tanpa mengeluarkan kenyataan terlalu awal. Kita perlu sedar dalam era teknologi maklumat yang canggih ini, apa pun kenyataan yang dibuat oleh menteri kita akan dipungut oleh penganalisis dan pelabur di seluruh dunia.

Begitu juga dengan kenyataan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub yang memberi gambaran harga gula, tepung dan minyak akan naik selepas musim perayaan ini. Barangkali selepas menyedari implikasinya selepas ditegur oleh Anwar, Megat Junid membuat kenyataan yang tegas dengan mengarahkan pengeluar minyak masak menampung sebarang kenaikan harga kerana kejatuhan ringgit. Kita tidak mengimport minyak sawit. Ia komoditi tempatan dan sebahagian

besar kos pengeluarannya dalam ringgit. Tentulah tidak wajar jika pengeluar mahu mengekalkan keuntungan eksportnya dengan menaikkan harga dalam negeri.

Dalam keadaan sekarang, kenyataan mengenai kenaikan harga barang mestilah dilihat sebagai sesuatu yang sensitif. Implikasi kenyataan seperti ini amat buruk kerana ia boleh menimbulkan suasana panik di kalangan rakyat. Sekiranya peniaga mentafsir kenyataan itu sebagai kesediaan kerajaan menerima rayuan mereka, peniaga yang tamak pasti akan menyorok barangan mereka bagi menunggu kenaikan harga. Sementara pengguna pula akan membeli dan menyimpannya kerana takut harga naik. Apabila ini berlaku, maka stok barangan di pasaran akan berkurangan dan suasana panik akan tercetus.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad beberapa kali menegaskan bahawa kerajaan akan berusaha mengelakkan kemelut ekonomi sekarang daripada membebani kehidupan rakyat jelata. Kerajaan mempunyai pelbagai mekanisme mengimbangi harga barang yang dikawal kerana kenaikan harga saja bukanlah cara terbaik menyelesaikan masalah. Sepatutnya kempen penjimatan perlu digerakkan terlebih dahulu supaya sebarang kenaikan harga tidak menjejaskan perbelanjaan rakyat. Penjimatan oleh rakyat bukan saja baik untuk mereka tetapi juga akan mengurangkan import negara.

Ketika kita meminta sistem perdagangan antarabangsa supaya lebih telus, kita juga perlu bertanya diri sendiri apakah sistem yang berjalan di negara ini juga telus. Apakah setiap projek yang hendak dijalankan atau diswastakan benar-benar telus dari segi kaji selidikannya, kesannya ke atas alam sekitar, masyarakat dan kepentingan nasional yang lain dan yang lebih penting lagi apakah projek itu benar-benar perlu untuk kepentingan rakyat dan ekonomi negara? Memandangkan negara terpaksa membelanjakan berpuluh bilion ringgit untuk mengimport ikan, sayur, buah dan bahan makanan yang lain, maka tentulah usaha meningkatkan pengeluaran makanan lebih utama daripada menambak pantai, membina lebuhraya di puncak gunung atau mendirikan bandar di atas sungai. Anehnya mengapakah projek-projek ini begitu mudah diluluskan?

Kita terpaksa mengakui bahawa pembentukan Majlis Bertindak Ekonomi Negara (NEAC) membuktikan kelemahan jabatan kerajaan untuk berfungsi sebagai penasihat, penyelia dan pelaksana dasar ekonomi secara telus dan berkesan. Tidak dinafikan sesetengah jabatan kerajaan tidak lagi berfungsi secara profesional kerana tekanan atau tarikan tertentu. Apabila kepentingan nasional dikorbankan bagi memenuhi kepentingan segelintir golongan tertentu, maka kesannya akan ditanggung oleh seluruh rakyat.

Sebenarnya, kerajaan sudah mempunyai penasihat ekonomi yang cukup untuk menangani permasalahan ekonomi negara. Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Perbendaharaan Negara, Bank Negara dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri adalah antara penasihat ekonomi yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan profesional untuk menasihati kerajaan. Ini tidak bermakna nasihat daripada individu dan ahli perniagaan diketepikan. Kerajaan memerlukan pandangan dan buah fikiran mereka tetapi mestilah diteliti dengan mendalam kerana mereka mempunyai kepentingan perniagaan.

Kita harap keanggotaan NEAC akan membentuk pasukan profesional yang mampu memberi pandangan yang berani dan bernas, telus dan tepat tanpa diganggu oleh sebarang kepentingan peribadi. Memandangkan Majlis Perniagaan Malaysia sebelum ini lebih didominasi oleh sektor swasta daripada sektor awam, kita harap NEAC akan lebih seimbang agar mereka yang berpengalaman dalam sektor awam, termasuk yang sudah bersara dijemput menganggotainya.

(END)